



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



Laporan 2021

Endowmen UTM

inovatif . entrepreneurial . global

LAPORAN TAHUNAN ENDOWMEN 2021

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Diterbitkan oleh :

Unit Endowmen
Bahagian Pemajuan,
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Aras 4, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor Darul Takzim

📞 07-5530283 / 31042 / 31043/31024

✉ endowmen@utm.my

🌐 <https://endowmen.utm.my>





Allah berfirman

“Tidak ada pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali dari bisikan-bisikan orang yang menyuruh (manusia) memberi **sedekah**, atau berbuat kebaikan atau mengadakan perdamaian di antara manusia. Dan barangsiapa yang berbuat demikian kerana mencari keredaan Allah, maka kami akan memberinya pahala yang besar.”

Surah an-Nisa 114




Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah
binti Almarhum Sultan Idris Shah
DYMM Permaisuri Johor

CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PRO-CANSELOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



Yang Amat Mulia Che'
Puan Besar Khaleeda binti
Bustamam



YBhg. Tan Sri Dr. Salleh
bin Mohd Nor



YBhg. Tan Sri Dato' Sri
Jamaludin bin Ibrahim

AHLI LEMBAGA PENGARAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



TAN SRI AZMAN BIN HJ.
MOKHTAR



PROF. DATUK TS. DR. AHMAD
FAUZI BIN ISMAIL



DATO' HAJI ISMAIL
BIN KARIM



PROF. DR. OMAR BIN
YAAKOB



TUAN HAJI ZAIRI BIN
HAJI MAT ALI



PROF. DATO' DR.
HUSAINI BIN OMAR



DATUK SERI HJ. MD. ALWI
BIN HJ. CHE AHMAD



DR. JAMES TEE KIM
SIONG



ENCIK MOHD
RAZLAN BIN MOHAMED



DATUK IR. DR. HJ. HAMIM
BIN SAMURI



PUAN DZULEIRA BINTI
ABU BAKAR



ENCIK ABDUL RAZIB BIN
HAJI SHAHUDDIN

ISI KANDUNGAN

07	KATA ALUAN
08	SEJARAH RINGKAS UTM
10	ENDOWMEN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
16	KAI ENDOWMEN 2021
20	LAPORAN KEWANGAN ENDOWMEN
36	LAPORAN BIASISWA ENDOWMEN
40	PROJEK & AKTIVITI ENDOWMEN 2021



Kata Aluan



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, dengan izin daripada Allah SWT Laporan Endowmen UTM tahun 2021 dapat diterbitkan bagi tatapan semua, khususnya kepada para penyumbang Tabung Endowmen UTM.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Pengurusan Tertinggi Universiti, Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen UTM, Jawatankuasa Pengurusan Endowmen UTM, Dekan Fakulti, Pengerusi Sekolah, Ktua Pusat Tanggung Jawab, dan para penyumbang Tabung Endowmen UTM, sama ada individu ataupun korporat, yang telah banyak memberi sokongan bimbingan, motivasi dan bantuan sehingga Unit Endowmen UTM dapat melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberi dengan baik dan lancar.

UTM sentiasa berusaha ke arah pembangunan dan pencapaian dalam pelbagai bidang penyelidikan dan pembelajaran, melalui pendekatan dan hubungan kerjasama strategik, khususnya dalam meningkatkan dana dalam Tabung Endowmen. Penubuhan Tabung Endowmen UTM pada tahun 2009 adalah selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang menyarankan institusi pengajian tinggi awam menjana pendapatan sendiri. Unit Endowmen secara berterusan telah mencuba pelbagai inisiatif baharu dan membuat jalinan serta bekerjasama dengan pelbagai pihak, sama ada pihak industri, pihak korporat, filantropi, dan individu bagi meningkatkan lagi dana dalam Tabung Endowmen UTM untuk membantu pelajar yang kurang berkemampuan (B40) dan sangat memerlukan bantuan kewangan sepanjang mengikuti pengajian di UTM.

Endowmen menjadi instrumen penting dalam penjanaan pendapatan untuk membangunkan reputasi UTM dari segi enrolmen mahasiswa terbaik, penjanaan Kursi Profesor dan projek khas. Sebagai IPTA pertama di Malaysia yang mewujudkan Tabung Endowmen bagi membiayai pengajian mahasiswa cemerlang tetapi kurang berkemampuan (B40), sehingga akhir Disember 2021 sebanyak 714 orang pelajar telah dianugerahkan pelbagai Biasiswa Endowmen, dan 350 orang daripadanya telah bergraduan dengan cemerlang. Ekoran prestasi yang memberangsangkan tersebut, maka penekanan dan strategi serampang dua mata telah dilakukan untuk membolehkan lebih ramai filantropi yang berpotensi memberi sumbangan, dan sekaligus dapat meningkatkan bilangan pelajar yang kurang berkemampuan dapat dibantu.

Pada kesempatan ini saya juga ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga kerja Unit Endowmen UTM yang sentiasa memberikan komitmen tinggi serta menyumbangkan fikiran dan tenaga dalam menyokong pelaksanaan dasar, program dan aktiviti Unit Endowmen yang telah dirancang. Saya berharap kita terus berusaha memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan sentiasa berada pada tahap yang terbaik demi manfaat pelajar dan warga UTM. Sekian, terima kasih dan wassalam.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Yusof B. Boon".

PROF. MADYA DR YUSOF B. BOON

Pengarah Endowmen, Bahagian Pemajuan
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Universiti Teknologi Malaysia




Sejarah UTM




SEJARAH RINGKAS UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Pada tahun 1941, terdapat cadangan daripada Jawatankuasa Penasihat Sekolah Teknik dan Jabatan Pendidikan untuk menaik taraf Sekolah Teknik kepada kolej atau maktab. Cadangan tersebut telah diterima dan sebidang tanah seluas 47 ekar telah diperuntukkan di Jalan Gurney bagi menempatkan maktab teknik yang baru itu.



Penubuhan institusi pengajian teknikal bermula pada tahun 1904 apabila Sekolah Teknik Treacher memulakan operasinya di Weld Road (kini Jalan Raja Chulan) untuk melatih pembantu teknik di Jabatan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Keretapi dan Jabatan Ukur. Pada ketika itu, pelatih mengikuti kelas secara separuh masa sambil mengikuti program latihan mengikut keperluan teknikal jabatan masing-masing.

Pada 14 Mac 1972, DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong telah mengisyiharkan penubuhan Institusi Teknologi Kebangsaan (ITK) di bawah seksyen 6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971. ITK telah mewarisi semua prasarana pendidikan dan pentadbiran Maktab Teknik di kampus Jalan Gurney. Encik Ainuddin Abdul Wahid yang sebelum ini menjadi Pengetua Maktab Teknik telah dilantik sebagai Rektor ITK yang pertama.



Seterusnya pada tahun 1960, Maktab Teknik membuka lembaran baru apabila mula menawarkan kursus kejuruteraan di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Para pelajar Maktab Teknik yang mengikuti kursus di peringkat ini berpeluang menduduki peperiksaan profesional yang dikendalikan oleh Institut Jurutera Awam dan Institut Mekanikal dari United Kingdom. Pelajar juga boleh mendaftar untuk menduduki peperiksaan di Royal Institute of Chartered Surveyors.

Perkembangan pesat Universiti ini menjadikan kampus Jalan Gurney tidak dapat menampung keperluan ruang dan kemudahan-kemudahan lain. Dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Ismail, Sultan Johor, Universiti telah membina kampus baru di Skudai, Johor yang meliputi kawasan seluas 2400 ekar. Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada tahun 1978.

Tarikh 1 April 1975 merupakan tarikh keramat dalam sejarah institusi ini apabila namanya bertukar secara rasmi kepada UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM). Sehubungan dengan itu, jawatan Rektor ITK juga telah dinaikkan taraf kepada Naib Canselor dan seorang Timbalan Naib Canselor telah dilantik yang bertanggungjawab kepada hal ehwal pelajar.

Kampus baru yang bernilai lebih satu billion ringgit Malaysia telah dirasmikan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Sultan Iskandar Ibni Almarhum Sultan Ismail, yang juga merupakan Canselor UTM yang kedua, pada 16 September 1985.



A wide-angle photograph of a university campus. In the foreground, there is a large, open grassy area with some fallen leaves. In the middle ground, there is a modern building with a curved, patterned roof and large glass windows. The background features several large, mature trees with dense foliage. The sky is bright and clear.

Endowmen
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

LATAR BELAKANG ENDOWMEN UTM



Anugerah Merdeka 2009 menjadi titik permulaan kewujudan "Tabung Endowmen Merdeka" yang diambil sempena nama Anugerah Merdeka tersebut.

Sebagai salah seorang penerima Anugerah Merdeka 2009 bagi Kategori Pencapaian Ulung Akademik, Yang Berbahagia Naib Canselor UTM pada masa itu telah mengambil inisiatif mewujudkan Tabung Endowmen Merdeka, dan telah menjadi orang pertama yang menyumbang ke tabung tersebut.

Bermula dengan **RM 64 ribu** dan sehingga akhir 2021 secara kumulatif hampir **RM128.17 juta** telah berjaya dikumpulkan. Endowmen UTM terus berusaha mengumpul dan menambah dana dalam Tabung Endowmen bagi membantu pelajar yang kurang berkemampuan dan amat memerlukan bantuan kewangan. Jumlah pelajar UTM yang memerlukan bantuan kewangan terus meningkat, khususnya ketika negara dan dunia sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19.



OBJEKTIF ENDOWMEN UTM

1



Pemberian Biasiswa dan bantuan kepada pelajar UTM

2



Penajaan Kursi Profesor

3



Penajaan penerbitan jurnal dan buku saintifik

4



Penajaan program berimpak tinggi


FUNGSI UNIT ENDOWMEN



JAWATANKUASA PEMEGANG AMANAH ENDOWMEN UTM



**Tan Sri Azman bin
Hj. Mokhtar**
Pengerusi
Lembaga Pengarah
Universiti



**YBhg Dato' Abu Bakar
bin Mohd Nor**
Pengarah,
Saujana Golf and
Country Club



**YBhg Prof Dato' Seri Ir. Dr. Zaini
bin Ujang**
Ketua Setiausaha
Kementerian Alam Sekitar dan Air



**YBhg. Dato' Sri Che Khalib
bin Mohamad Noh**
Pengarah Urusan
Kumpulan MMC Corporation
Berhad



**YBhg. Datuk (Dr) Rameli bin
Musa**
Timbalan Pengerusi
Ingress Corporation Berhad



**YBhg. Tan Sri Dato' Paduka Dr.
Fng Ah Seng**
Pengarah Urusan
Epic Valley Holdings Sdn. Bhd.



**YBhg. (ACP) Datuk Dr. Mohd Yusof bin
Md Haslam Khan PJN, AMN**
Pengarah Urusan
Skop Productions Sdn. Bhd.



**YBhg. Professor Datuk Ts. Dr.
Ahmad Fauzi bin Ismail**
Naib Canselor
Universiti Teknologi Malaysia



**YBrs. Professor Madya Dr.
Yusof Bin Boon**
Setiausaha
Pengarah Endowmen UTM

JAWATANKUASA PENGURUSAN ENDOWMEN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi
bin Ismail
Pengerusi



Prof. Ts. Dr. Mohd Hamdan
Bin Haji Ahmad
**Timbalan Naib Canselor
(Pembangunan)**



Abdol Fattah Abu Bakar
**Pengarah Kerja,
Jabatan Harta Bina**



PM Dr. Yusof Boon
Pengarah Endowmen



PM Dr. Mohd
Ismid Md Said
**Pro Vice -Cancellor
(Internatioal)**



Prof. Ts. Dr. Shukor Abd
Razak
Pengarah RMC



PM Dr. Mohd
Hisyam Rasidi
**Pengarah
UTMAlumni**



Prof. Dr. Mohd Zaki
Kamsah
**Pengerusi, Bahagian
Pemajuan**



TS. Dr. Dayana
Farzeeha Ali
**Pengarah Hal Ehwal
Korporat**



PM Dr. Rosmini Omar
Dekan AHIBS



Tn Hj. Abu Bakar
Mohd Salleh
Bendahari




PM Ts. Dr. Noor Azurati
Ahmad @ Salleh
Pengarah ICC



Baharudin Mastari
Timbalan Pendaftar
Unit Endowmen/ Urusetia

CARTA ORGANISASI UNIT ENDOWMEN




The background image shows a long, narrow wooden boardwalk or pier extending from the foreground into a calm body of water. The boardwalk has a dark railing and is made of light-colored wooden planks. In the distance, a traditional pavilion with a red-tiled roof is visible, surrounded by lush green trees and foliage. The sky is clear and blue.

LAPORAN KAI ENDOWMEN (Key Amal Indicator)

PENCAPAIAN KAI ENDOWMEN BAGI TAHUN 2021


RM561,858.66



Endowmen Fakulti

Endowmen Fakulti berjaya mencapai 18.73% bersamaan RM561,858.66 daripada sasaran sebanyak RM3,000.00 bagi tahun 2021


RM9,862,146.89



Unit Endowmen

Jumlah dana Endowmen yang berjaya dikumpulkan oleh Unit Endowmen bagi tahun 2021 ialah RM9,862,146.89 atau 98.62% daripada sasaran RM10,000,000.00.

RM10,424,005.55




Endowmen Universiti

Jumlah keseluruhan dana Endowmen yang berjaya dikumpulkan (Endowmen Fakulti + Unit Endowmen) pada tahun 2021 ialah sebanyak RM10,424,005.55 atau 86.87% daripada sasaran RM12,000,000.



DANA KUMULATIF ENDOWMEN TERKUMPUL (2009-2021)



Sejak diwujudkan pada tahun 2009, dana Tabung Endowmen UTM terus meningkat dan sehingga November 2021 secara kumulatif sebanyak **RM128.09 juta** telah berjaya dikumpulkan.
Terima kasih kepada para penyumbang!

SEDEKAH

“Dan apa saja yang kamu infakkan,
Allah akan menggantinya dan Dia-lah pemberi
rezeki yang terbaik”.
(QS. Saba : 39)



LAPORAN KEWANGAN ENDOWMEN



LAPORAN SUMBANGAN ENDOWMEN ENDOWED 2021

BUTIRAN SUMBANGAN/PENDAPATAN	JUMLAH (RM)
Fulcrum Capital Sdn Bhd	5,000,000.00
Johor Port Berhad	1,000,000.00
Dato' Abu Bakar bin Mohd Nor	6,288.36
Dato' Seri Ir. Dr. Seri Zaini bin Ujang	32,500.00
Datuk Ir. Ts. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir	100,000.00
RHB Islamic Berhad	18,780.00
Hong Leong Investment Bank Berhad	7,000.00
Lembaga Juruukur Tanah Malaysia	10,000.00
Prof. Datuk. Ir. Dr. Wahid Omar	12,000.00
DYMM Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah	30,000.00
FESKO UTM63	10,000.00
Pelbagai Endowmen Merdeka	185,552.18
Endowmen Merdeka – Payroll	91,172.48
Endowmen Alumni – Payroll	240.00
JUMLAH TERKUMPUL	6,508,533.02

Pada tahun 2021, Tabung Endowmen UTM telah menerima sumbangan dana berbentuk endowed (dana sumbangan dilabur dalam simpanan tetap (FD) yang patuh Syariah dan rendah risiko, dan hibah daripada pelaburan tersebut sahaja yang akan digunakan) sebanyak RM6,508,533.02 daripada pelbagai pihak.



LAPORAN SUMBANGAN ENDOWMEN EXPANDABLE (GUNA HABIS) 2021

Selain sumbangan dana berbentuk endowmen endowed, pada tahun 2021 Tabung Endowmen UTM telah menerima sumbangan dana sebanyak RM2,466,523.74 berbentuk endowmen expandable.



BUTIRAN SUMBANGAN/PENDAPATAN	JUMLAH (RM)
Hibah Pelaburan Simpanan Tetap Diterima	1,223,673.29
Sumbangan dari Kementerian Pengajian Tinggi – SULAM	75,000.00
Sumbangan dari Azuarina Creative Sdn. Bhd.	22,800.00
Sumbangan Pembangunan Surau An-Nur	20,850.00
Sumbangan Tabung Bantuan Pelajar Kolej Siswa Jaya	12,315.00
Tabung Prihatin UTM	200,000.00
Ambank Group Foundation	5,000.00
Tabung Prihatin Komuniti COVID-19	4,928.00
Kempen Bantuan Pasca Bencana Yan Kedah	23,484.00
Kempen Bantu Pemandu Teksi Lembah Klang	3,027.00
Tabung Bantuan Rumah Kanak-Kanak Mini Ulu Tiram	4,695.00
Program Jalinan Kasih CCIN	10,449.00
Program Bronze Concept	1,000.00
SULAM Conference	11,100.00
Sumbangan Pelbagai	90,170.00
Asset Management Business Solution Intern. Conference (AMBis 1.0 2021)	6,000.00
FMPV 2021	3,950.00
KODAL Sponsorship	100.00
Projek Komuniti Galeri Warisan Pulau Tanjung Surat	40,000.00
Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri	10,000.00
Tabung Bantuan Mangsa Banjir UTM	115,945.45
Projek Penyediaan Makanan Sihat - AHIBS UTMKL	15,220.00
Projek Speak-Up - AHIBS UTMKL	200.00
Crowd Funding Pelajar FSSH B40 bagi LM/LI	6,245.00
Program Sumbangan Khas COVID-19	10,882.00
Tabung Warisan KALAM	774.00
UTM Endowment Charity Campaign	19,179.00
Dana Baik Pulih Komputer Pelajar UTM (B40)	9,589.00
Taja Buku @Penerbit	6,229.00
Tabung Bantuan Bencana UTM	11,832.00
Tabung Endowmen Kelestarian UTM	-
Tabung Endowmen Buku Perpustakaan UTM	16,042.00
Tabung Endowmen Majlis Perwakilan Pelajar UTM	4,087.00
Tabung Endowmen UTMSPACE	422,710.00
Tabung Endowmen Pej. TNCPI UTMKL	24,150.00
Tabung Endowmen Majlis Profesor UTM	10,772.00
Tabung Projek Endowmen UTM	23,766.00
Endowmen Merdeka – Buku	360.00
JUMLAH SUMBANGAN/PENDAPATAN	2,466,523.74



BUTIRAN TRANSAKSI	JUMLAH (RM)
Baki Tunai 2020 Bawa Ke Tahun 2021 (A)	374,736.19
PENDAPATAN (A)	
Hibah Pelaburan Simpanan Tetap (FD) Diterima	119,173.91
Pelbagai Hasil Projek Penjanaan Endowmen	42,420.63
Pelbagai Hasil Endowmen	11,956.12
JUMLAH (B)	173,550.66
JUMLAH PENDAPATAN TERKUMPUL (A+B)	548,286.85
PERBELANJAAN & SUMBANGAN DALAMAN	
Pelbagai Perbelanjaan Mengurus	92,559.78
Pelbagai Bayaran Balik	23,343.85
Bayaran Pelbagai - Yuran Kursus/Montage/Program	67,924.65
JUMLAH PERBELANJAAN + SUMBANGAN DALAMAN	183,828.28
BAKI 30.11.2021 (TIDAK DILABURKAN)	364,458.57

LAPORAN TABUNG PENGURUSAN ENDOWMEN UTM

Pada tahun 2021, dalam suasana ekonomi yang agak suram kesan daripada pandemic COVID-19, Pengurusan Endowmen UTM telah mengambil langkah pro-aktif dengan menekankan perbelanjaan berhemah dan berjimat-cermat.



Warga kerja Endowmen UTM



LAPORAN TABUNG ENDOWMEN MERDEKA

Tabung Endowmen Merdeka memiliki baki dana pada akhir tahun 2021 sebanyak RM16,373,677.82. Sebanyak RM14,000,000.00 dilaburkan dalam simpanan tetap (FD) yang patuh syariah dan rendah risiko. Sementara RM 2,373,677.82 (30/11/2021) tidak dilaburkan untuk kegunaan bayaran biasiswa pelajar dan sebagai dana kecemasan bagi beberapa keperluan lain yang diluluskan oleh Universiti.



BUTIRAN TRANSAKSI	JUMLAH (RM)
Baki Tunai 2020 Bawa Tahun 2021 (A)	2,575,748.21
PENDAPATAN	
Hibah Pelaburan Simpanan Tetap Diterima	260,570.07
Sumbangan Endowmen Merdeka – Payroll	91,172.48
Sumbangan Korporat ke Tabung Endowmen	70,780.00
Sumbangan Pelbagai Endowmen Merdeka	180,728.36
Pelbagai Hasil Projek Penjanaan Endowmen	21,878.50
PENDAPATAN (B)	625,129.41
JUMLAH PENDAPATAN (A+B)	3,200,877.62
PERBELANJAAN /AGIHAN DALAMAN	
Agihan Hibah Pelaburan FD Ke Tabung Pengurusan Endowmen	26,057.01
Agihan Biasiswa Endowmen Sesi 2020/2021	234,513.06
Perbelanjaan Pelbagai	31,105.50
Pindahan/Pelarasan/Peruntukan ke Tabung Endowmen PTJ/Fakulti/Kursi	590,881.28
JUMLAH PERBELANJAAN	882,556.85
BAKI 30.11.2021 (TIDAK DILABURKAN)	2,318,320.77
PELABURAN SIMPANAN TETAP (PRINSIPAL FUND)	12,500,000.00
BAKI KESELURUHAN	14,818,320.77





LAPORAN TABUNG ENDOWMEN UTMALUMNI

Alumni UTM terus proaktif dalam memperkasa Tabung Endowmen Alumni UTM melalui sumbangan dana yang salurkan. Pada akhir tahun 2021, baki dana dalam Tabung Endowmen Alumni UTM adalah sebanyak RM4,313,995.97. Hibah pelaburan daripada dana terkumpul telah digunakan untuk membiayai Biasiswa Endowmen Alumni UTM.

BUTIRAN TRANSAKSI	JUMLAH (RM)
Baki Tunai 2020 Dibawa Tahun 2021	679,315.97
PENDAPATAN	
Sumbangan Endowmen UTMAlumni – Payroll	240
Hibah Pelaburan Simpanan Tetap Diterima	70,328.87
Sumbangan Pelbagai	3,960.00
JUMLAH PENDAPATAN	753,844.84
SIMPANAN TETAP (FDI) 8/2021	500.000.00
PERBELANJAAN / SUMBANGAN DALAMAN	
Agihan Biasiswa Endowmen UTMAlumni Sesi 2020/2021	112,795.98
Agihan Hibah Pelaburan FD Ke Tabung Pengurusan Endowmen	7,032.89
Pindahan Dana Tabung Endowmen (Biasiswa)	20,000.00
JUMLAH PERBELANJAAN	139,828.87
BAKI 31.12.2021 (TIDAK DILABURKAN)	14,025.97
PELABURAN SIMPANAN TETAP (PRINSIPAL FUND)	3,700,000.00
BAKI KESELURUHAN	3,714,025.97



LAPORAN TABUNG ENDOWMEN AZMAN HASHIM



Dana terkumpul dalam Tabung Endowmen Azman Hashim pada tahun 2021 adalah sebanyak RM30,000,000.00. Dana sumbangan ini telah dilaburkan dalam simpanan tetap (FD) patuh Syariah dan rendah risiko di AmBank Group Berhad. Hibah pelaburan yang diperoleh digunakan untuk Biasiswa Endowmen Azman Hashim (75%), Program Akademik Azman Hashim International Business School (15%), dan pengurusan Endowmen UTM (10%).


BUTIRAN TRANSAKSI	JUMLAH (RM)
Baki Tunai 2020 Dibawa Tahun 2021	675,561.66
PENDAPATAN (A)	675,561.66
Sumbangan Yayasan Azman Hashim	5,000,000.00
Hibah Pelaburan Simpanan Tetap Diterima	563,382.28
PENDAPATAN (B)	5,563,382.28
JUMLAH PENDAPATAN (A+B)	6,238,943.94
PELABURAN SIMPANAN TETAP	5,000,000.00
PERBELANJAAN / SUMBANGAN DALAMAN	
Agihan Hibah Pelaburan FD Ke Tabung Pengurusan Endowmen (10%)	56,338.23
Agihan Aktiviti Akademik AHIBS (15%)	84,507.30
Bayaran Biasiswa Endowmen Sesi 2020/2021	591,000.00
JUMLAH PERBELANJAAN	731,845.53
BAKI 31.12.2021 (TIDAK DILABURKAN)	507,098.41
KUMULATIF PELABURAN SIMPANAN TETAP (PRINSIPAL FUND)	30,000,000.00



BUTIRAN TRANSAKSI	JUMLAH (RM)
PELABURAN PRINSIPAL 2021	3,000,000.00
PENDAPATAN	
Hibah Pelaburan Simpanan Tetap Diterima	63,657.06
Pindahan Peruntukan Kursi Profesor Kiswire	411,000.00
JUMLAH PENDAPATAN (SEMASA)	474,657.06
PERBELANJAAN / SUMBANGAN DALAMAN	
Agihan Hibah Pelaburan FD Ke Tabung Pengurusan Endowmen	6,365.71
Agihan Biasiswa/Kursi Profesor Kiswire	57,291.35
Pindahan Dana Kursi Profesor Kiswire ke Tabung Penyelidikan RMC	360,000.00
JUMLAH PERBELANJAAN	423,657.06
BAKI TUNAI 30.11.2021 (TIDAK DILABURKAN)	51,000.00
PELABURAN SIMPANAN TETAP (Prinsipal Fund)	3,000,000.00

LAPORAN TABUNG ENDOWMEN KURSI PROFESOR KISWIRE

Dana sebanyak RM3 juta yang disumbangkan oleh pihak Kiswire ke Tabung Endowmen UTM adalah untuk pewujudan Kursi Profesor Kiswire bagi menjalankan kajian berimpak. Hibah pelaburan daripada dana RM3 juta tersebut akan digunakan oleh professor yang dilantik di Sekolah Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan, UTM untuk melaksanakan kajian yang telah diluluskan.



BUTIRAN TRANSAKSI	JUMLAH (RM)
PELABURAN PRINSIPAL 2021	2,000,000.00
PENDAPATAN	
Hibah Pelaburan Simpanan Tetap Diterima	42,438.03
JUMLAH PENDAPATAN	42,438.03
PERBELANJAAN / SUMBANGAN DALAMAN	
Agihan Kursi Profesor	38,194.23
Agihan Hibah Pelaburan FD Ke Tabung Pengurusan Endowmen	4,243.80
Jumlah Perbelanjaan / Sumbangan	42,438.03
BAKI 30.11.2021 (TIDAK DILABURKAN)	0.00
PELABURAN SIMPANAN TETAP (Prinsipal Fund)	2,000,000.00

LAPORAN TABUNG ENDOWMEN KURSI PEMIKIRAN ISLAM SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS

QSR Brands (M) telah menyalurkan sumbangan dana sebanyak RM2 juta bagi mewujudkan Kursi Pemikiran Islam Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Hampir keseluruhan (90%) hibah daripada pelaburan dana RM2 juta tersebut digunakan untuk melaksanakan aktiviti Pemegang Kursi Pemikiran Islam Syed Muhammad Naquib Al-Attas.



LAPORAN TABUNG ENDOWMEN DAING ABDUL RAHMAN DAING MOHAMAD



Dana sumbangan sebanyak RM500,000.00 ke Tabung Endowmen Daing Abdul Rahman Daing Mohamad telah dilaburkan dalam simpanan tetap (FD) patuh syariah dan rendah risiko. Dapatkan daripada hibah pelaburan pada tahun 2021 dan baki hibah pelaburan pada tahun sebelumnya, sebanyak RM18,000.00 telah digunakan untuk pembayaran biasiswa dua orang pelajar, dan RM523.56 untuk Tabung Pengurusan Endowmen UTM.

BUTIRAN TRANSAKSI	JUMLAH (RM)
Baki Tunai 2020 Bawa Tahun 2021	5,933.71
PENDAPATAN	
Hibah Pelaburan Simpanan Tetap Diterima	11,126.72
Pindahan Dana Tabung Endowmen (Biasiswa)	10,000.00
JUMLAH PENDAPATAN	27,060.43
PERBELANJAAN/SUMBANGAN DALAMAN	
Agihan Hibah Pelaburan FD ke Tabung Pengurusan Endowmen	1,112.67
Agihan Biasiswa Endowmen Sesi 2020/2021	18,000.00
JUMLAH PERBELANJAAN/SUMBANGAN	19,112.67
BAKI 30.11.2021 (TIDAK DILABURKAN)	7,947.76
PELABURAN SIMPANAN TETAP (Prinsipal Fund)	500,000.00



LAPORAN TABUNG ENDOWMEN HITAM ABDULLAH



Dana sumbangan sebanyak RM500,000.00 ke Tabung Endowmen Hitam Abdullah telah dilaburkan dalam simpanan tetap (FD) patuh syariah dan rendah risiko. Dapatan daripada hibah pelaburan pada tahun 2021 dan baki hibah pelaburan pada tahun sebelumnya, sebanyak RM18,000.00 telah digunakan untuk pembayaran biasiswa dua orang pelajar, dan RM523.56 untuk Tabung Pengurusan Endowmen UTM.

BUTIRAN TRANSAKSI	JUMLAH (RM)
Baki Tunai 2020 Bawa Tahun 2021	5,933.71
PENDAPATAN	
Hibah Pelaburan Simpanan Tetap Diterima	11,126.72
Pindahan Dana Tabung Endowmen (Biasiswa)	10,000.00
JUMLAH PENDAPATAN	27,060.43
PERBELANJAAN/SUMBANGAN DALAMAN	
Agihan Hibah Pelaburan FD ke Tabung Pengurusan Endowmen	1,112.67
Agihan Biasiswa Endowmen Sesi 2020/2021	18,000.00
JUMLAH PERBELANJAAN/SUMBANGAN	19,112.67
BAKI 30.11.2021 (TIDAK DILABURKAN)	7,947.76
PELABURAN SIMPANAN TETAP (Prinsipal Fund)	500,000.00



LAPORAN TABUNG ENDOWMEN AL-BUKHARY



Sejak 2013 hingga akhir 2021, Johor Port Berhad telah menyumbang sebanyak RM8 juta ke Tabung Endowmen Al-Bukhary. Hibah daripada pelaburan (FD) sumbangan dana tersebut sebahagian besar (90%) digunakan untuk pemberian Biasiswa Endowmen Al-Bukhary kepada pelajar UTM yang terpilih.

BUTIRAN TRANSAKSI	JUMLAH (RM)
Pelarasan/Pindahan Tabung Biasiswa Endowmen Al-Bukhary	7,000,000.00
Sumbangan Ke Tabung Biasiswa Endowmen Al-Bukhary (16.08.2021)	1,000,000.00
PENDAPATAN	
Hibah Pelaburan Simpanan Tetap Diterima	142,277.62
Pindahan Pelarasan Hibah dari Tabung Endowmen Merdeka	148,381.28
JUMLAH PENDAPATAN	291,157.47
PERBELANJAAN / SUMBANGAN DALAMAN	
Agihan Hibah Pelaburan FD Ke Tabung Pengurusan Endowmen	14,277.62
Agihan Biasiswa Endowmen Sesi 2020/2021	112,000.00
JUMLAH PERBELANJAAN	142,776.19
BAKI TUNAI 30.11.2021 (TIDAK DILABURKAN)	148,381.28
PELABURAN SIMPANAN TETAP (Prinsipal Fund)	8,000,000.00





LAPORAN TABUNG ENDOWMEN PELAJAR ANTARABANGSA

Tabung Endowmen Pelajar Antarabangsa diwujudkan bagi mengumpulkan dana untuk membantu pelajar antarabangsa yang sedang mengikuti pengajian di UTM sekiranya menghadapi masalah kewangan. Dana sebanyak RM100,000.00 telah berjaya dikumpulkan dalam tabung ini sehingga akhir tahun 2021.

BUTIRAN TRANSAKSI	JUMLAH (RM)
Sumbangan ke Tabung Endowmen Pelajar Antarabangsa 2019	100,000.00
PENDAPATAN	
Tiada	0.00
JUMLAH PENDAPATAN	0.00
PERBELANJAAN / SUMBANGAN DALAMAN	
Tiada	0.00
JUMLAH PERBELANJAAN	0.00
BAKI TUNAI 30.11.2021 (TIDAK DILABURKAN)	100,000.00




LAPORAN TABUNG ENDOWMEN UTMPRESS

Tabung Endowmen UTMPress adalah tabung yang diwujudkan bagi membuka ruang dan peluang kepada masyarakat yang prihatin menghulurkan sumbangan bagi pemberian buku secara percuma terbitan UTMPress kepada pelajar UTM yang memerlukan tetapi kurang berkemampuan (B40) untuk membelinya. Baki dana dalam tabung ini sehingga November 2021 adalah sebanyak RM3,519.00.



BUTIRAN TRANSAKSI	JUMLAH (RM)
Baki Tunai 2020 Bawa ke Tahun 2021	1,900.00
PENDAPATAN	
Sumbangan Pelbagai	3,905.00
JUMLAH PENDAPATAN	5,805.00
PERBELANJAAN / SUMBANGAN DALAMAN	
Pelarasan Pindahan Kutipan Dana Melalui UTMSMART	2,255.00
JUMLAH PERBELANJAAN	2,255.00
BAKI TUNAI 30.11.2021 (TIDAK DILABURKAN)	3,550.00

LAPORAN TABUNG ENDOWMEN FUNDRAISING GUNA HABIS



Selain endowmen endowed, endowmen expandable atau endowmen guna habis turut memainkan peranan penting dalam membantu pelajar UTM dan masyarakat dengan jumlah sumbangan yang agak besar pada tahun 2021, melalui pelbagai program.



BUTIRAN TRANSAKSI	JUMLAH (RM)
Baki 2020 bawa hadapan ke tahun 2021 (A)	49,105.00
PENDAPATAN (B)	
Sumbangan Korporat	147,800.00
Pelbagai Kutipan/Projek/Kempen Fundraising	541,334.45
JUMLAH (B)	689,134.45
JUMLAH PENDAPATAN (A+B)	738,239.45
PERBELANJAAN / SUMBANGAN DALAMAN	
Pindahan Kutipan/Projek / Kempen Fundraising	197,958.13
JUMLAH PERBELANJAAN	197,958.13
BAKI TUNAI 30.11.2021 (TIDAK DILABURKAN)	540,281.32

LAPORAN TABUNG ENDOWMEN NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN KHAS "UTM"

Penjualan nombor pendaftaran kenderaan khas "UTM" merupakan salah satu inisiatif menjana Tabung Endowmen UTM. Sehingga akhir 2021, sebanyak lebih RM3 juta telah berjaya dikumpulkan daripada penjualan nombor pendaftaran kenderaan khas "UTM".



BUTIRAN TRANSAKSI	JUMLAH (RM)
Baki Tunai 2020 Bawa ke Tahun 2021 (A)	901,617.37
PENDAPATAN (B)	
Pendapatan Jualan No. Pendaftaran Secara Bidaan/Walk-In	822,406.00
Potongan Gaji Staf	48,247.00
Caj Perkhidmatan (RM10)	9,130.00
Pelanjutan Tempoh Pendaftaran Kenderaan	12,300.00
Pertukaran Nama Pemilik Kenderaan	9,550.00
Jualan T-shirt UTMPOC	1,730.00
Hibah Pelaburan FD	27,595.12
JUMLAH PENDAPATAN B	930,958.12
JUMLAH PENDAPATAN (A+B)	1,832,575.49
PELABURAN SIMPANAN TETAP	1,500,000.00
PERBELANJAAN	
Bayaran Balik Lebihan Wang kepada Pembida/Pembeli	2,135.00
Bayaran Pelbagai Program	1,339.30
Bayaran Membekal dan Mencetak T-shirt UTMPOC	11,020.00
Pembelian 20 Unit Notebook (B40)	50,000.00
Bayaran komisen 1% kepada agen Jualan No. Pendaftaran Khas 'UTM'	4,050.00
JUMLAH PERBELANJAAN	68,544.30
BAKI TUNAI 30.11.2021 (TIDAK DILABURKAN)	264,031.19




LAPORAN BIASISWA ENDOWMEN




PEMBIAYAAN BIASISWA ENDOWMEN UTM (2011-2021)

Tabung Endowmen UTM telah membelanjakan **RM25,508,466.00** untuk pemberian pelbagai Biasiswa Endowmen UTM sehingga Disember 2021.



PENERIMA BIASISWA ENDOWMEN (2011-2021)

Biasiswa Endowmen UTM telah banyak membantu pelajar yang kurang berkemampuan (B40) untuk mengikuti pengajian dengan baik dan selesa. Mula ditawarkan pada sesi akademik 2011/2012 dan sehingga Disember 2021, sebanyak 714 orang pelajar UTM kurang berkemampuan (B40) telah menerima Biasiswa Endowmen UTM dalam beberapa kategori.



PENERIMA BIASISWA ENDOWMEN BERGRADUAN



Biasiswa Endowmen UTM yang mula ditawarkan pada sesi akademik 2011/2012, sehingga Disember 2021 telah berjaya menggraduarkan sebanyak 350 orang pelajar, iaitu 343 orang pelajar penerima Biasiswa Endowmen Merdeka, empat orang penerima Biasiswa Endowmen Azman Hashim, dan tiga orang penerima Biasiswa Endowmen Alumni UTM.

JENIS BIASISWA	SESI KEMASUKAN	GRADUAN
Endowmen Merdeka	2011/2012	34
	2012/2013	74
	2013/2014	154
	2014/2015	32
	2015/2016	20
	2016/2017	28
	2017/2018	1
Endowmen Azman Hashim	2015/2016	4
Endowmen Alumni UTM	2016/2017	3
JUMLAH KESELURUHAN		350



PROJEK & AKTIVITI ENDOWMEN 2021

VOR 112.5 162° 1.3 NM

B 1

PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA FRONTLINER COVID-19 UTM



Unit Endowmen UTM sangat prihatin atas keselamatan petugas bahagian hadapan dan pelajar UTM ketika berhadapan dengan pandemic COVID-19. Pada 25 Februari 2021, Unit Endowmen telah menyerahkan 152 unit pelitup muka boleh basuh kepada Pengarah, Bahagian Keselamatan UTM, 1,800 botol air mineral dan 500 botol (50ml) hand sanitizer kepada Jabatan Tim. Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) bagi kegunaan pelajar di Pusat Isolasi, UTM Johor Bahru.





BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK UNIT ENDOWMEN 2021

Pada 17 Mac 2021, Unit Endowmen telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik, di Dewan Banquet, Scholar's Inn, UTM Johor Bahru. Bengkel sehari yang telah dirasmikan oleh YBrs. Prof. Dr. Mohd Zaki Kamsah, Pengerusi Bahagian Pemajuan, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) bertujuan membincang, merancang dan melaksanakan program dan aktiviti Unit Endowmen sepanjang tahun 2021. Turut hadir dalam bengkel tersebut ialah Dr. Robiah Suratman dan Encik Haironizam Mohammad, sahabat Endowmen.



JUALAN AMAL KURMA MADU & KURMA TANGKAI RAMADHAN 1442H

Penjanaan Tabung Endowmen UTM tidak hanya bergantung kepada sumbangan daripada orang ramai dan pihak korporat, tetapi juga melalui projek penjanaan yang berpotensi. Seperti tahun-tahun sebelumnya, pada tahun 2021, iaitu sepanjang bulan Ramadan 1442H, Unit Endowmen telah melaksanakan projek jualan amal kurma madu dan kurma tangkai. Dalam jualan amal yang terbuka kepada warga UTM dan masyarakat sekitar, semua keuntungan hasil jualan akan digunakan sepenuhnya untuk membantu pelajar UTM yang kurang berkemampuan dan amat memerlukan bantuan kewangan.



UTM | UNIT ENDOWMEN

SALAM RAMADAN 1442H

Semoga Ibadah Puasa Kita Pada Tahun Ini Adalah Yang Terbaik Berbanding Tahun-tahun Sebelumnya

Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa (surah al-Baqrah)

JUALAN AMAL
KURMA MADU &
KURMA TANGKAI

Program pengumpulan dana Tabung Endowmen UTM bagi membantu pelajar kurang berkemampuan dan amat memerlukan bantuan kewangan.

KURMA MADU	500gram	RM12.00 SEKOTAK
		KURMA TANGKAI 500gram RM15.00 SEKOTAK

Pertanyaan & tempahan sila hubungi:
Unit Endowmen, UTM Ecohome, UTM Johor Bahru
Tel.: 012-7721037 / 019-5031043 / 07-5531042

MAJLIS PELANCARAN JUALAN HARTANAH IOI PROPERTIES (D'SUMMIT & THE PLATINO) KEPADА WARGA & SAUDARA-MARA WARGA UTM

Universiti Teknologi Malaysia melalui Unit Endowmen dan IOI Properties melalui Wealthy Growth Sdn. Bhd. & Trilink Pyramid Sdn. Bhd. akan mengadakan Promosi Pemilikan Unit Kediaman di D'Summit, Kempas & The Platino, Paradigm Mall dengan diskaun menarik dan harga amat berpatutan kepada warga (staf, pelajar, alumni dan pesara UTM) dan saudara-mara warga UTM. Pelbagai bentuk dan saiz unit kediaman ditawarkan dalam promosi ini. Majlis Pelancaran Jualan Hartanah IOI Properties kepada Warga & Saudara Mara Warga UTM telah disempurnakan oleh oleh YBhg. Prof Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail pada 6 April 2021.

KHUSUS KEPADA WARGA & SAUDARA-MARA WARGA UTM
Untuk pelajar, staf dan alumnus UTM semasa dan masa tamat

Mengambil keranjang seleksi dan mendapat diskaun sejajar dengan pelajar dan saudara-mara warga UTM

TAWARAN HEBAT:
Saya perlu membuat pembelian pada tarikh 10 April 2021 atau sebelumnya
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 1300-888-777

PROMOSI EKSKLUSIF* UTM
IOI finance
Bantuan Senyawa
65 unit Rumah Impian Anda
559 0101

THE PLATINO
Bersebelahan dengan Paradigm Mall
232 0101 UTM

D'SUMMIT
Bersebelahan dengan Paradigm Mall
Ansuran Bulanan RM850*

559 0101 UTM

PERALAKU KEHIDUPAN UNTUK DORONG

The Platino Serviced Apartment

Type	Ruuk Total	Harga Min.
A - 1RM Value	Rm42,000.00	
B - 2RM Value	Rm42,571.45	
C - 3RM Value	Rm42,612.85	
D - 3RM Value	Rm42,612.85	
E - 2RM Value	Rm44,991.25	

DS Serviced Apartment

Type	Ruuk Total	Harga Min.
A - 1RM Value	Rm42,000.00	
B - 1.5RM Value	Rm42,522.00	
C - 2RM Value	Rm42,912.85	
D - 2RM Value	Rm42,912.85	

Pembelian & Mekanisme Lantai Sila Harta
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 1300-888-777
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 1300-888-777
IOI Properties
1300-888-777 | Email: info@ioiproperties.com.my | Instagram: @ioi_properties

UTM **Paradigm Mall**

PROMOSI JUALAN HARTANAH D'SUMMIT & THE PLATINO JOHOR BAHRU
D'Summit Johor Bahru, Melaka, 88400 Johor Bahru,
Kepada Warga & Saudara-Mara Warga UTM

D'Summit Johor Bahru

THE PLATINO Johor Bahru

SENGAJA HADIR MEMERHILAH DALAM PROMOSI HEBAT

- ✓ Untuk mendapat harga hebat, bersama-sama dengan maklum balas yang baik
- ✓ Harga rumah kediaman yang bersaiz besar dengan harga yang bersaiz kecil
- ✓ Harga rumah kediaman yang bersaiz besar dengan harga yang bersaiz kecil
- ✓ Maklum balas yang baik akan mendapat harga yang bersaiz besar dengan harga yang bersaiz kecil
- ✓ Maklum balas yang baik akan mendapat harga yang bersaiz besar dengan harga yang bersaiz kecil
- ✓ Maklum balas yang baik akan mendapat harga yang bersaiz besar dengan harga yang bersaiz kecil
- ✓ Maklum balas yang baik akan mendapat harga yang bersaiz besar dengan harga yang bersaiz kecil

Pembelian & Mekanisme Lantai Sila Harta
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 1300-888-777
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 1300-888-777
IOI Properties
1300-888-777 | Email: info@ioiproperties.com.my | Instagram: @ioi_properties



PENYERAHAN SUMBANGAN DANA DARIPADA YBHG. PROF. DATUK TS. IR. DR. SITI HAMISAH BT. TAPSIR

Seluruh warga UTM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ybhg. Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Siti hamisah bt. Tapsir atas sumbangan dana ke Tabung Endowmen UTM.

Cek sumbangan telah diserahkan kepada Ybhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi b. Ismail, pada 6 April 2021, di Pejabat Naib Canselor, UTM Johor Bahru.





PENYERAHAN SUMBANGAN RM5 JUTA OLEH YAYASAN AZMAN HASHIM

Pada 7 April 2021, Yayasan Azman Hashim telah menyerahkan dana sumbangan sebanyak RM5 juta ke Tabung Endowmen UTM. Cek sumbangan yang diterima oleh Prof. Madya Dr. Yusof Boon, Pengarah, Unit Endowmen UTM, merupakan sumbangan terakhir daripada jumlah keseluruhan sumbangan berjumlah RM30 juta daripada Yayasan Azman Hashim ke Tabung Endowmen UTM. Penyerahan sumbangan berjumlah RM5 juta setahun telah bermula pada tahun 2016, dan berakhir pada tahun 2021.



TEH TARIK SESSION UTMPOC

Pada 10 April 2021, Unit Endowmen dengan kerjasama UTM Plate Owner Club (UTMPOC) telah menganjurkan program Teh Tarik Session, satu program santai yang mengumpulkan pemilik nombor pendaftaran kenderaan Khas 'UTM'. Program ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan silaturahim antara pemilik nombor pendaftaran kenderaan khas "UTM", di samping untuk mempromosikan penjualan nombor pendaftaran kenderaan khas 'UTM' kepada masyarakat.

Program yang disertai lebih 20 buah kereta dan lima buah motorsikal berplat nombor khas "UTM", bermula jam 2.00 petang di Tasik Ilmu UTM dan berakhir di Mana Café, Puteri Harbour, Iskandar Puteri. Perjalanan mini konvoi ini begitu lancar dan teratur dengan bantuan daripada pasukan UTM Marshall.

Program santai ini telah turut disertai oleh Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Omar, mantan Naib Canselor UTM, Prof. Ts. Dr. Mohd Hamdan Hj. Ahmad, Tim. Naib Canselor (Pembangunan), dan Prof. Dr. Mohd Zaki Kamsah, Pengurus, Bahagian Pemajuan, Jabatan Tim. Naib Canselor (Pembangunan).



PENYAMPAIAN BIASISWA ENDOWMEN UTM SESI AKADEMIK 2021/2022

Majlis Penyampaian Biasiswa Endowmen telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi pada 27 April 2021. Pemberian biasiswa ini menggunakan dana Tabung Endowmen Merdeka, Biasiswa Endowmen Al-Bukhary, Biasiswa Endowmen Azman Hashim. Seramai lima (5) orang pelajar telah menerima Biasiswa Endowmen UTM pada sesi akademik 2020/2021 berdasarkan kriteria kecemerlangan akademik dan sukan serta latar belakang keluarga pelajar.



PROGRAM AGIHAN BUBUR LAMBUK, KURMA & AIR MINERAL KEPADА PELAJAR & STAF UTM



Pelbagai bentuk sumbangan telah disalurkan oleh Unit Endowmen kepada warga UTM. Sempena bulan Ramadhan 1443H, Unit Endowmen telah bekongsi rezeki dengan warga UTM melalui Program Agihan Bubur Lambuk, Kurma dan Air Mineral kepada pelajar dan staf UTM.

Program yang berjalan lancar dan meriah telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi Bin Ismail, Naib Canselor UTM, pada 2 Mei 2021, di Foyer, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru. YBhg. Datuk Naib Canselor turut gembira kerana dapat menyampaikan agihan sumbangan kepada staf dan pelajar yang hadir.



PENYERAHAN SUMBANGAN PELITUP MUKA GUNA HABIS & HAND SANITIZER

UTM telah menyahut keputusan Kementerian Pengajian Tinggi dengan membenarkan pelajar-pelajarnya pulang ke kampung halaman masing-masing untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Rata-rata pelajar yang telah selamat tiba menuarakan rasa gembira dan berterima kasih kepada KPT kerana memberikan kebenaran pulang untuk berhari raya dan kepada UTM kerana telah menyediakan kemudahan pengangkutan kepada mereka.

Dalam menyokong usaha KPT, Endowmen telah menyumbang pelitup muka guna habis & hand sanitizer kepada 800 pelajar kolej kediaman yang akan pulang sempena Cuti Hari Raya Aidilfitri ke kampung masing-masing. Sumbangan telah disampaikan kepada Timbalan Naib Canselor (HEP) pada 6 Mei 2021.

PROGRAM KEMBARA KORBAN 2021 YBIM – UTM



Program Kembara Korban 2021 UTM – YBIM telah dianjurkan oleh Unit Endowmen UTM dengan kerjasama Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM) pada 28 Julai 2021 dengan agihan daging korban sebanyak 1,000 pek. Daging korban telah diagihkan kepada staf & pelajar UTM berkeluarga, serta masyarakat di sekitar UTMJB (Desa Bakti, Panggung Taman Desa Skudai, rumah pangsa Kangkar Pulai dan asnaf Taman Sri Pulai Perdana).

YBhg. Prof Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Ts. Dr Ahmad Fauzi Ismail telah melancarkan program tersebut pada jam 2.15 petang di Foyer Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru, dengan agihan daging korban secara **PANDU LALU**. Majlis pelancaran turut dihadiri oleh YBhg. Dato' SR Hj. Rosli Atan, Pengurus Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM).



PROGRAM USR UTM – KEMBOJA 2021

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui UTMAalumni & Unit Endowmen telah menganjurkan Program USR UTM - Kemboja 2021 di Kemboja pada tahun ini bersempena Aidiladha 1442H dengan kerjasama bersama beberapa komuniti luar. Program yang berlangsung pada 20-22 Julai 2021, melibatkan aktiviti korban dan aqiqah serta sumbangan kepada asnaf dan wakaf bagi pembinaan telaga air yang dilaksanakan di beberapa lokasi di Kemboja seperti Kampung Sinjia Sanul, Kratie, Kranyung Sanchez, dan telah dilaksanakan oleh rakan strategik UTM di Kemboja.



**PROGRAM USR
UTM-KEMBOJA 2021**
20-22 JULAI 2021

Sempena Aidil Adha 1442 Hijrah ini, UTM sekali lagi akan melaksanakan ibadah korban dan program komuniti di Kemboja. Orang ramai dijemput untuk bersama menyertainya.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di bawah:

PM Dr. Hisyam	: 017 7557633
PM Dr. Yusof	: 012 7721037
Dr. Robiah	: 012 7170692
En. Azri	: 018 2380806
En. Shahrin	: 013 7222432
En. Falaz	: 019 2210685

TARIKH TUTUP
penyertaan & pemberian sumbangan adalah pada **15 JULAI 2021**

Gambar-gambar aidil adha program yang dijalankan di Kemboja semalam.

PROGRAM	BAYARAN
Korban (Lembu)	RM350 / Sekelongs
Korban / Aqiqah Kambing	RM650 / Sekor
Wakaf Telaga Air	RM1,200 / Sesuit RM200 / Sekelongs
Bantuan Asnaf	Setiap Hati

CARA PENYERTAAN & PEMBAYARAN SUMBANGAN:

- 1 Sila isikan borang dipautan berikut:
<http://bit.ly/usrutm-kemboja>
- 2 Bayaran secara online ke akaun:
Universiti Teknologi Malaysia (UTM Alumni)
MAYBANK > NO AKTAH : 551305-532256

ANJURAN:

Unit UTMAalumni,
Unit Endowmen,
Persatuan Pegawai Tadbir & Sosialis (PERTISAS),
Bentuk Masyarakat STEM (BAKES),
Fakulti Sains Sosial & Komunitas (FSSSH),
Fakulti Alam Bina & Uker (FABU),
Pusat Jaringan Kemudi & Industri (PJCII),
Pusat Jaringan Kemudi & Industri (PJCII),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Bersama
Yayasan Pendidikan Hidayah, Johor
Pertubuhan Sekongan Keluarga Ceria Negeri Johor
dan
Cambodia Hayasan Charity Association
Rakaman Strategik UTM di Kemboja

www.utm.my | [utmaalumni](https://www.facebook.com/utmaalumni) | [utmaalumni](https://www.instagram.com/utmaalumni/)

5 Star
QS Overall Rating
TOP 40
Best Universities in Asia
TOP 20
Best University in Malaysia



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN RM1 JUTA JOHOR PORT BERHAD

Johor Port Berhad sekali lagi telah menyumbang RM1 juta kepada Tabung Endowmen UTM bagi membantu pelajar UTM memperolehi peluang pengajian tinggi yang lebih baik. Sumbangan telah diserahkan melalui Majlis Penyerahan Sumbangan RM1 Juta Johor Port kepada Tabung Endowmen UTM yang telah diadakan secara maya melalui aplikasi Microsoft Teams pada 16 Ogos 2021.

Cek sumbangan telah diserahkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Johor Port Berhad, YBrs. Encik Md. Derick Basir dan disaksikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan MMC Corporation Berhad, Ybhg. Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh, pegawai kanan Universiti dan tetamu jemputan



**MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN
RM1 JUTA JOHOR PORT BERHAD
KEPADА TABUNG ENDOWMEN UTM**

◆ YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail
Naib Canselor
Universiti Teknologi Malaysia

◆ YBhg. Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh
Pengarah Urusan
Kumpulan MMC Corporation Berhad

◆ YBrs. En. Md Derick bin Basir
Ketua Pegawai Eksekutif
Johor Port Berhad

16 Ogos 2021, 12:30 tengahari

www.utm.my

PERTANDINGAN MEREKA CIPTA LOGO SEMPENA SAMBUTAN 50 TAHUN UTM



Jawatankuasa Induk Sambutan 50 Tahun UTM telah memberi amanah dan tanggung jawab kepada Unit Endowmen dan Seksyen Hal Ehwal Korporat UTM untuk menguruskan Pertandingan Mereka Cipta Logo Sempena Sambutan 50 Tahun UTM.

Pertandingan Mereka Cipta Logo yang terbuka kepada semua warganegara Malaysia, bermula pada 16 Ogos dan berakhir pada 4 September 2022, telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan, dan urusetia telah menerima sebanyak 221 penyertaan. Logo ciptaan Saudara Lee Zhu Qin, dari Help University, telah dipilih oleh panel juri sebagai Pemenang Hadiah Utama, Pertandingan Mereka Cipta Logo sempena sambutan ulang tahun ke 50 UTM.



Rasional Logo

ANGKA 50 merupakan genap 50 tahun UTM mencapai taraf sebagai universiti terulung di Malaysia. Angka 50 turut menjadi simbolik kekuatan, kematangan dan kesuburan kehidupan.

Tahun **1972-2022** menghayati nostalgia sejarah tertubuhnya UTM bermula dari tahun 1972.

Emblemat UTM dikelilingi bulatan berwarna emas merupakan lambang sains dan teknologi dalam memacu kecemerlangan, mengukuhkan pembangunan dan seterusnya mensejahterakan kehidupan.

Percikan warna merah, jingga dan maroon melambangkan pancaran sinar kecemerlangan UTM dalam 360 derajat (iaitu ke seluruh dunia) bagi membangunkan manusia melalui pendidikan berkualiti tinggi dan kecemerlangan inovasi, serta permantapan kolaborasi industri dan komuniti dalam memperkuuh impak penyelidikan untuk kemakmuran sejagat.

Slogan **"KERANA TUHAN UNTUK MANUSIA"** melambangkan semangat kebersamaan seluruh warga UTM dalam mensejahtera kehidupan (iaitu manusia, flora dan fauna), dan terus melakar kecemerlangan di persada dunia adalah berpaksikan kepada Tuhan Pencipta Sekalian Alam.



KARNIVAL ENDOWMEN SEMARAK MERDEKA 2021

Karnival Endowmen Semarak Merdeka UTM 2021, merupakan salah satu platform bagi menyuburkan budaya menyumbang dalam kalangan warga kampus dan pihak luar termasuk alumni, syarikat, korporat, individu, dan filantrofi menyumbang ke Tabung Endowmen UTM bagi membantu pelajar UTM yang amat memerlukan bantuan kewangan semasa pengajian.

Karnival Endowmen Semarak Merdeka UTM 2021 ini telah dirasmikan secara maya oleh YBhg. Tan Sri Azman bin Hj. Mokhtar, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti pada 5 September 2021. Karnival selama dua hari (5-6 September 2021) telah dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya dengan menggunakan medium Facebook Live.



SESI	AKTIVITI	REACHED	VIEWS	LINK CLICKS
1	Majlis Perasmian Karnival Endowmen Semarak Merdeka 2021	3,783	420	712
2	Townhall Sedekah Endowmen Utm			
3	Forum: Memperkuuh Endowmen Memelihara Kemaslahatan Pelajar	2,645	226	479
4	Perkongsian 1: Memperteguh Institusi Pengajian Tinggi Menerusi Endowmen	2,806	281	536
5	Perkongsian 2: Fadilat & Keajaiban Sedekah	6,087	610	971



MESYUARAT & RETREAT JAWATANKUASA PEMEGANG AMANAH ENDOWMEN UTM

Pada 7 Disember 2022, Unit Endowmen telah mengadakan Retreat dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen UTM di Grand Petra Hall, Residensi, UTM Kuala Lumpur. Retreat dan mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Azman b. Hj. Mokhtar, Pengurus Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen UTM.



MAJLIS SANJUNGAN BUDI ENDOWMEN UTM 2021

Bagi menghargai jasa dan bakti Ahli Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen UTM yang telah tamat tempoh perlantikan, Unit Endowmen telah menganjurkan Majlis Sanjungan Budi Endowmen UTM 2021, pada 7 Disember 2021, di Grand Petra Hall, Residensi, UTM Kuala Lumpur.

Majlis telah diserikan dengan kehadiran YBhg. Tan Sri Azman b. Hj. Mokhtar (Pengerusi LPU @ Pengerusi AJK Pemegang Amanah Endowmen UTM), Prof. Datuk Ir. Dr. Ahmad Fauzi b. Ismail (Naib Canselor), Tan Sri Abd Halim b. Ali (mantan Pengerusi LPU @ Pengerusi AJK Pemegang Amanah Endowmen UTM), Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid b. Omar (mantan Naib Canselor), Dato' Seri Ir. Dr. Zaini b. Ujang (Ketua Setiausaha, Kementerian Alam Sekitar dan Air), Tan Sri Azman b. Hashim (Pengerusi Ambank Berhad), dan YBrs. Puan Shalina bt. Azman (Pengerusi Amcorp Berhad).

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah pegawai kanan Universiti dan tetamu jemputan.



PERASMIAN SMART CLASSROOM SITI HAMISAH TAPSIR



Pengurusan serta seluruh warga UTM mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Siti Hamisah bt. Tapsir atas sumbangan dana ke Tabung Endowmen UTM.

Bagi menghargai sumbangan dana tersebut, pihak Universiti telah bersetuju menamakan Smart Classroom, di Blok D02, Sekolah Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan, UTM dengan nama baharu Smart Classroom Siti Hamisah Tapsir. Majlis Perasmian Smart Classroom Siti Hamisah Tapsir telah disempurkan oleh YBhg. Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Siti Hamisah bt. Tapsir pada 11 Disember 2021. Turut hadir dalam majlis perasmian tersebut ialah YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi b. Ismail, Naib Canselor, Prof. Ts. Dr. Mohd Hamdan b. Hj. Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Pengurus dan Pengurusan Sekolah Kejuruteraan Awam, pegawai kanan Universiti, dan tetamu jemputan.



JUALAN CENDERAHATI MAJLIS KONVOKESYEN UTM KE-64

Sempena Majlis Konvokesyen Ke- 64 UTM yang berlangsung pada 11 hingga 18 Disember 2021, Unit Endowmen telah menyediakan dan menjual beberapa cenderahati menarik dengan harga yang berpatutan sebagai kenang-kenangan kepada bukan sahaja para graduan tetapi kepada seluruh warga UTM dan masyarakat yang berminat. Hasil jualan cenderahati ini akan disalurkan ke Tabung Endowmen UTM bagi membantu pelajar yg kurang berkemampuan (B40).



The screenshot shows a webpage for the 'CENDERAHATI MAJLIS KONVOKESYEN UTM KE 64'. The top right corner features the UTM logo and the text 'Unit Endowmen'. The main section displays various items for sale:

- Dirham Perak: RM40.00
- Mug: RM10.00
- Lanyard: RM12.00
- Payung: RM8.00
- T-shirt Berkolar: RM45.00
- Baju Muslimah: RM15.00
- Kalendar 2022: RM10.00
- Bog: RM50.00

At the bottom, it says: 'Cenderahati yang istimewa dan menarik ini boleh diperoleh di UTM Eco-Home (bersebelahan Pusat Ekuin UTM) atau hubungi talian 012-7721037 / 019-5031043.'





PROMOSI PENJUALAN NOMBOR PENDAFTARAN KENDERAAN KHAS "UTM"

Pelbagai inisiatif dilakukan untuk memperhebat promosi penjualan nombor pendaftaran kenderaan khas "UTM" pada tahun 2021 dalam kalangan warga UTM dan orang awam. Antara inisiatif yang diberikan ialah tawaran potongan harga mengikut promosi sepanjang tahun 2021 dan pelbagai hadiah menarik yang diberikan kepada para pembeli seperti T-Shirt UTMPOC, sticker kenderaan, dan model kapal terbang AirAsia-UTM.

PERTANYAAN DAN MAKLUMAT LANJUT



PEJABAT

Pengarah Endowmen
Unit Endowmen, Bahagian Pemajuan
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Aras 4, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim
813100 UTM Johor Bahru, Johor



HUBUNGI

07-55 30283/ 07-553 1042/3
012-772 1037/ 019-727 0158/ 019-503 1043



LAMAN WEB

<https://endowmen.utm.my>



INSTAGRAM

utm_endowmen





EMEL

endowmen@utm.my



FACEBOOK

Endowmen UTM





UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UNIT ENDOWMENT

Bahagian Pemajuan
Jabatan Timbalan Naib Canselor
(Pembangunan)
Universiti Teknologi Malaysia